

Perjuangan Wanita dalam Novel *Surat-Surat Perempuan Johor* *Women's Battle in the "Johor Women's Letters" Novel*

ROSMAH DERAK¹
ASMIATY AMAT²

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu
¹rosmahderak@gmail.com, ²asmiaty@ums.edu.my

Abstrak Novel berunsur sejarah berjudul *Surat-Surat Perempuan Johor* (2005) merupakan novel tentang sejarah negeri Johor yang ditulis oleh Faisal Tehrani dan memenangi tempat ketiga dalam Sayembara Menulis Sejarah Johor. Novel ini memaparkan tentang peristiwa sejarah negeri Johor yang berlatarbelakangkan *Majalah Akhram Johor*, proses pemodenan Johor oleh Sultan Abu Bakar dan Sultan Ibrahim, hubungan erat antara Johor dan Turki serta cita-cita untuk mengetepikan sekularisasi. Justeru, objektif kajian ini ialah mengkaji perjuangan wanita sebagai wakil golongan yang dijajah untuk menulis semula sejarah negeri Johor yang dikatakan telah dipalsukan oleh Inggeris. Bagi mencapai objektif ini, kaedah analisis tekstual digunakan untuk mengkaji novel *Surat-Surat Perempuan Johor* untuk meneliti sejarah negeri Johor yang telah dibenamkan oleh Inggeris pada masa pemerintahan Sultan Abu Bakar dan Sultan Ibrahim. Faisal Tehrani menerusi watak Ungku Nur menempelak Barat yang telah melenyapkan banyak peristiwa tentang sejarah Johor dengan menampilkan dan menulis semula sejarah negeri Johor. Penulisan semula sejarah ini merupakan satu cara golongan yang dijajah untuk bangkit menentang penjajah. Kajian mendapati, negeri Johor pernah melaksanakan pemerintahan Islam suatu ketika dahulu dan *Majalah Akhram Johor* dijadikan panduan dalam pemerintahan. Namun, Inggeris telah mencampuri pemerintahan sultan pada masa itu dan dipaksa untuk menerima undang-undang sekular Inggeris. Sedikit demi sedikit pengaruh Inggeris telah mengambil tempat dalam pentadbiran Johor sehingga pemerintahan Islam yang pernah diamalkan di negeri Johor kurang diketahui oleh generasi pada masa kini.

Kata kunci: Novel berunsur sejarah, sejarah negeri Johor, *Surat-Surat Perempuan Johor*, Faisal Tehrani, *Majalah Akhram Johor*.

Abstract Historical novel entitled *Johor Women's Letters* (2005) is a novel about history of Johor written by Faisal Tehrani. The author won third place for this novel in Johor Historical Writing Contest. This novel depicted Johor state historical events based on *Majalah Ahkam Johor*, the modernization process by Sultan Abu Bakar and Sultan Ibrahim, the close relationship between Johor and Turkey, as well as the ambitions of Sultans to set aside secularization in this state. Thus, the objective of this study is to examine the struggles of women, as a representative of the people to rewrite history of Johor that alleged to have been falsified by British. To achieve this objective, textual analysis method used to explore *Johor Women's Letters* novel and scrutinize the history of Johor that was embedded by British during the reign of Sultan Abu Bakar and Sultan Ibrahim. Faisal Tehrani through Ungku Nur character, blasted the Westerner, which have annihilated many facts and events about Johor history. Rewriting the history is one of the way for subjugated people to rise up and against the conquest. This study has found that, the state of Johor implemented Islamic reign once upon a time and *Majalah Ahkam Johor* was used as a guide in administrations. However, the British had interfered in Sultan's administration during that period and forced them to accept the secular law of British. The domination of British slowly conquer the administration of state government and then the Islamic reign that was implemented in Johor less known by the new generation now days.

Keywords: Historical novel, history of Johor, *Surat-Surat Perempuan Johor*, Faisal Tehrani, *Majalah Ahkam Johor*.

PENGENALAN

Surat-Surat Perempuan Johor merupakan novel berunsur sejarah yang menceritakan tentang sejarah negeri Johor. Novel ini mengambil latar sejarah pada zaman pemodenan Johor semasa pemerintahan Sultan Abu Bakar dan Sultan Ibrahim yang dikatakan telah menjalankan pemerintahan berasaskan Islam dengan penubuhan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor dan *Majalah Ahkam Johor* yang diambil daripada Kerajaan Turki Uthmaniyyah. Peristiwa sejarah ini telah dihidupkan oleh Faisal Tehrani dalam novel *Surat-Surat Perempuan Johor* dengan menampilkan dua watak

wanita yang bercerita tentang sejarah negeri Johor serta hubungannya dengan Kerajaan Turki Uthmaniyyah. Menerusi novel ini, Faisal Tehrani telah mempertikai sejarah yang diolah oleh Barat tentang negeri Johor kerana baginya sejarah itu bukan hanya terdiri daripada peristiwa lampau dan tarikh sahaja. Menurut Faisal Tehrani, sejarawan di dunia Islam dan Timur, bukan setakat membongkar kejahatan Barat yang memendam sejarah kita, tetapi juga menjadi ejen penting dalam menggerakkan sejarah yang telah tersimpan itu sebagai satu tenaga baharu. Tenaga yang penting bagi mencapai semula kemajuan. Inilah tugas sejarawan sebenar. Bukan sekadar bermain dengan tarikh-tarikh dan fakta-fakta lampau sahaja (2005: 147). Dalam konteks kolonialisme, sejarah itu perlu dilihat dan digali semula daripada kaca mata golongan yang dijajah. Hal ini demikian kerana kuasa besar penjajah mempunyai kepentingan ke atas negeri yang dijajah dan ini berkaitan dengan fahaman orientalisme yang dibawa oleh mereka.

Sohaimi Abdul Aziz (2003: 131–132) mengatakan bahawa penulisan sejarah atau historiografi diterima sebagai hasil daripada proses pemilihan, dan pentafsiran terhadap sesuatu peristiwa sejarah berdasarkan ideologi yang tertentu. Maka, diterima bahawa penulisan sejarah ada implikasi ideologikal. Fakta sejarah dihasilkan atau dibina berdasarkan pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan tentang peristiwa-peristiwa yang berlaku, dan pertanyaan-pertanyaan itu berdasarkan tujuan tertentu. Fakta sejarah tidak akan wujud sehinggalah sejarawan itu menciptanya melalui proses pemilihan dan tujuan. Justeru, fakta sejarah tidak lagi dipercayai mempunyai unsur keobjektifannya. Masa lalu dan masa kini sudah dipisahkan kerana masa kini tidak lagi berhubung dengan masa lalu. Masa lalu merupakan hasil daripada proses pentafsiran yang bertujuan dan berkepentingan. Hakikat yang sama dipercayai berlaku apabila unsur sejarah yang digarap itu telah melalui proses pemilihan dan pentafsiran pengarang berdasarkan ideologi dan minatnya.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji perjuangan wanita sebagai wakil golongan yang dijajah untuk membongkar dan menulis semula sejarah negeri Johor yang dikatakan telah dipalsukan oleh Inggeris. Bagi mencapai objektif ini, kajian ini akan menggunakan kaedah analisis tekstual ke atas novel *Surat-Surat Perempuan Johor* untuk meneliti sejarah

negeri Johor yang telah dibenamkan oleh Inggeris. Novel berunsur sejarah ini memperlihatkan bagaimana Faisal Tehrani menerusi watak Ungku Nur menempelak Barat yang telah melenyapkan banyak peristiwa tentang sejarah Johor dengan menampilkan dan menulis semula sejarah negeri Johor. Penulisan semula sejarah ini merupakan satu cara bagaimana golongan yang dijajah ini bangkit untuk menentang penjajah.

SEJARAH NEGERI JOHOR

Sejarah negeri Johor yang dibincangkan dalam bahagian ini berkait rapat dengan sejarah Johor yang dibincangkan oleh Faisal Tehrani dalam *Surat-Surat Perempuan Johor*. Menurut Faisal Tehrani (2005), novel *Surat-Surat Perempuan Johor* berlatarkan Majalah Ahkam Johor, proses pemodenan Johor oleh Almarhum Sultan Abu Bakar dan Sultan Ibrahim, hubungan erat Johor dan Turki serta cita-cita mengetepikan sekularisasi sebagai tenaga memulihkan kegemilangan sejarah demi mencapai kemurnian akidah. Shaharom Husain mengatakan bahawa Kerajaan Johor pada masa dahulu merupakan kerajaan besar di Tanah Melayu, setelah jatuhnya kerajaan Melayu Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511. Johor adalah kerajaan Melayu yang menjadi masyhur dan berpengaruh pada abad ke-19 dan awal abad ke-20 (1995: v). Johor juga adalah satu-satunya negeri di Tanah Melayu yang agak unik di kalangan negeri Melayu yang lain. Hal ini disebabkan kewujudannya bukan sahaja pecahan kepada empayar Melayu Melaka, tetapi juga adalah nadi yang cuba mengembalikan zaman keagungan Kerajaan Melayu tersebut melalui kelahiran empayar Johor-Riau-Lingga-Pahang. Pada tahun 1855, negeri Johor mengalami pembangunan yang pesat dari segi ekonomi, pentadbiran, politik dan berjaya meluaskan pengaruhnya. Mulai dari tarikh itu, Johor dikuasai sepenuhnya oleh keturunan keluarga Temenggung Daing Ibrahim (Fawzi Basri & Hasrom Harun, 1978: 1).

Temenggung biasanya bukanlah berdarah raja. Dia adalah pembesar negeri yang bertugas sebagai *ketua pengaman*. Tetapi lain pula halnya dengan Temenggung Ibrahim. Pada zaman itu, di Singapura keadaan telah membuktikan bahawa darjat sahaja tidak mencukupi. Kebijaksanaan dan kebolehan adalah suatu perkara yang amat penting. Begitulah yang terjadi

kepada Temenggung Ibrahim. Beliau dilantik menggantikan bapanya Dato' Temenggung Seri Maharaja yang meninggal dunia pada tahun 1825. Gelaran penuhnya ialah Dato' Temenggung Ibrahim Seri Maharaja. Pangkat ini kemudiannya bertukar menjadi Maharaja sahaja pada tahun 1868 dengan pengetahuan Queen Victoria dan akhirnya menjadi Sultan pada tahun 1885. Sultan Abu Bakar mencapai status tersebut buat julung kalinya dalam sejarah Johor (Abdul Jalil Borham, 2002a: 3).

Oleh hal yang demikian, dapat dilihat sejak abad ke-19, sejarah Johor di bawah pimpinan Temenggung Ibrahim (1841–1862) dan Sultan Abu Bakar menunjukkan sejarah kebangkitan dan kemajuan Johor dalam pelbagai bidang. Contohnya dalam sistem pentadbiran, perundangan dan politik, Johor telah mengadakan hubungan rapat dengan negara-negara luar di sebelah Asia Tenggara, Timur Tengah, Eropah dan Barat. Di samping pemerintahan yang bijak, Johor juga bernasib baik kerana mempunyai barisan menteri dan pegawai yang berkebolehan, iaitu mereka telah membantu dan memajukan negeri Johor di bawah pemerintahan Sultan Johor dan keturunan baginda seterusnya. Mereka semua sebagai jentera pemerintahan Johor, boleh dianggap sebagai negarawan Johor yang telah meletakkan Johor di kalangan negeri Melayu yang berpengaruh pada abad ke-19 dan awal abad ke-20 (Fawzi Basri & Hasrom Harun, 1978: 1).

Johor telah mengalami suatu proses metamorfosis politik terpenting dari segi pembentukan dan pembangunan negerinya. Namun demikian, Johor telah berjaya mengekalkan identitinya sebagai sebuah negeri yang bebas daripada penjajahan Inggeris (Rahimah Abdul Aziz, 1997: 2–3). Pengisytiharan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor pada masa pemerintahan Sultan Abu Bakar menunjukkan bahawa Johor adalah negeri Melayu yang pertama sekali memakai Undang-undang Tubuh Kerajaan yang bertulis. Undang-undang Tubuh Johor juga menyatakan, agama bagi negeri adalah agama Islam, dan agama-agama lain diberi kebenaran menjalankan hal-hal mereka dengan aman dan sempurna (Abdul Jalil Borham, 2002a: 10–12). Bagaimanapun, undang-undang ini telah ditambah baik apabila Sultan Abu Bakar menerima cadangan Inggeris untuk menambah baik Undang-undang Tubuh Negeri Johor. Menurut Abdul Jalil Borham, (2002a: 15) walau bagaimanapun, didapati penambahan Undang-undang Tubuh Johor

1908 ini pada hakikatnya telah memasukkan secara rasmi undang-undang Inggeris ke negeri Johor, iaitu “*Penal Code*” dan “*Civil Code*.” Ia dibuktikan lagi dengan pengetepian kuasa Sultan ke atas Hakim mahkamah dan Kadi. Dari istilah undang-undang yang digunakan, iaitu “*Law*” sebenarnya adalah merujuk kepada undang-undang Inggeris.

Terdapat beberapa sebab mengapa Inggeris berbuat demikian. Pertama, disebabkan Inggeris ingin melaksanakan idea “sekularisme” yang melanda ajaran Kristian untuk dilaksanakan dengan tidak secara langsung di negeri-negeri Melayu. Hal ini dapat dilihat apabila Inggeris menggunakan kuasa Majlis Negeri yang dipengaruhi kuat oleh Penasihat Am bagi menyusun semula sistem perundangan di negeri Johor. Sebab kedua dengan melihat sikap Inggeris yang anti kepada Islam akibat kekalahan mereka dalam Perang Salib, lebih-lebih lagi apabila mengetahui bahawa negeri-negeri Melayu sedang berusaha bersungguh-sungguh melaksanakan undang-undang Islam. Sebab ketiga dengan melihat kepada sikap raja-raja Melayu sendiri yang kebanyakannya kurang berpegang kuat dengan ajaran Islam dan mereka beranggapan Islam hanyalah berkisar dalam soal ibadat khusus semata-mata (Abdul Jalil Borham, 2002b: 127).

Kedudukan Johor sebagai sebuah negeri yang sedang dalam proses melaksanakan perundangan Islam dapat dilihat apabila Johor mengadakan hubungan baiknya dengan Kerajaan Turki Uthmaniyyah. Hubungan yang baik di antara kedua buah negara ini telah menyebabkan Johor hampir melaksanakan undang-undang Islam. Hal ini demikian kerana undang-undang Islam dari Turki telah meresap masuk ke pemerintahan Johor. Undang-undang yang dimaksudkan ialah *Majalah Ahkam Johor* (Abdul Jalil Borham, 2002b: 90). Sejarah kedatangan *Majalah al-Ahkam al-Adliyyah* Turki ke negeri Johor mempunyai kaitan rapat dengan hubungan Kerajaan Johor serta sultan-sultannya dengan negara berkenaan, iaitu Turki. Hubungan baik antara dua negara ini diertatkan lagi apabila Kerajaan Turki meletakkan seorang pegawai berbangsa Turki di negeri Johor yang berperanan sebagai Penasihat Agama kepada pemerintah atau Sultan yang dikenali sebagai Mufti. Sesungguhnya, hubungan Johor dengan Turki sebagai sebuah negara Islam juga telah memberikan kesan yang amat positif

dalam perkembangan undang-undang Islam di negeri Johor. Perkara ini dapat dilihat dengan pelaksanaan *Majalah al-Ahkam al-‘Adliyyah* (Abdul Jalil Borham, 2002a: 34–36).

SEJARAH NEGERI JOHOR DALAM NOVEL *SURAT-SURAT PEREMPUAN JOHOR*

Dalam *Surat-Surat Perempuan Johor* (seterusnya *SSPJ*), dinyatakan bahawa pada zaman pemerintahan Sultan Abu Bakar, Johor maju dalam pelbagai bidang. Johor juga menjadi negeri yang mula-mula memiliki jemaah menteri tersendiri, yang terdiri daripada 21 orang Melayu dan dua orang Cina yang dinamakan Lembaga Kerajaan. Baginda Sultan Abu Bakar tidak berhenti setakat di situ. Hasil pengamatan dan pengalaman baginda sepanjang ziarah dan lawatan rasmi ke luar negara, baginda telah menubuhkan pelbagai jabatan kerajaan. Pada tahun 1873, Johor jauh lebih maju daripada negeri lain dengan struktur tersendiri merangkumi Jabatan Polis, Jabatan Mahkamah, Jabatan Bendahari, Jabatan Ukur, Jabatan Kereta Api dan pelbagai lagi. Kemajuan yang pesat ini membuatkan Inggeris sedikit segan untuk campur tangan melulu dalam pemerintahan baginda. Perjanjian Johor-Inggeris pada 11 Disember 1885 menunjukkan Johor tidak dijajah oleh Inggeris, sebaliknya hanya menjadi negeri sahabat. Baginda malah diiktiraf oleh Inggeris sebagai seorang Sultan (Faisal Tehrani, 2005: 131).

Semasa proses pemodenan Johor (menolak istilah pembaratan), Sultan Abu Bakar melakukan perubahan satu demi satu secara perlahan-lahan bukan kerana mahu menjadi seperti Inggeris. Menurut Faisal Tehrani, Johor bukan hendak dibaratkan seperti sangkaan sesetengah orang. Johor cuma mahu dibaharukan hingga kelihatan tersusun bagai sebuah negeri yang ada peraturan supaya Inggeris itu tidak menjadikan alasan pula bahawa Sultan tidak tahu memerintah negeri lantas merampas negeri (2005: 110). Pada masa pemerintahan Sultan Abu Bakar, negeri Johor berpegang kuat kepada agama Islam dan pernah menjalinkan hubungan diplomatik dengan Kerajaan Turki Uthmaniyyah. Sultan Johor pernah berhasrat untuk melaksanakan undang-undang Islam yang diperolehi daripada Kerajaan Turki iaitu *Majalah al-Ahkam al-‘Adliyyah* Turki atau *Majalah Ahkam Johor*

sebagai kod undang-undang sivil Islam sejak tahun 1893 (Faisal Tehrani, 2005: 117–119). Walau bagaimanapun, kejatuhan Kerajaan Islam Turki Uthmaniyyah telah membuka ruang kepada Inggeris untuk menyebarkan fahaman sekularisme di bawah Mustafa Kamal Attaturk yang turut memberi kesan secara tidak langsung kepada Johor.

Menurut Faisal Tehrani, dalam sejarah Johor, pengisytiharan Undang-undang Tubuh Kerajaan pada tahun 1895 membuktikan bahawa Islam adalah dasar pemerintahan Johor. Pengisytiharan undang-undang ini membuktikan bahawa undang-undang Islam telah dilaksanakan di Johor dan sebagai agama negeri. Jawatan Mufti dan Kadi telah diwujudkan dengan rasminya. Undang-undang ini telah diisytiharkan oleh Sultan Abu Bakar pada 24 Rabiul awal 1313 Hijrah di Istana Besar Johor Bahru (2005: 131). Undang-undang ini telah dilaksanakan di Johor sejak turun-temurun dan menjadi undang-undang Islam bagi kerajaan negeri dan rakyat Johor. Oleh kerana undang-undang ini berlandaskan hukum Islam, maka undang-undang ini tidak boleh diubah, dipindah, ditukar, dicorak atau ditokok tambah dan pelanggaran kepada undang-undang tersebut ialah satu perbuatan derhaka dan berdosa kepada Tuhan (Faisal Tehrani, 2005: 132).

Selain melaksanakan Undang-undang Tubuh Johor, pemerintah Johor telah menjadikan *Majalah Ahkam Johor* sebagai rujukan dalam aspek muamalat Islam di Johor sebelum kedatangan Inggeris. Penggunaan *Majalah Ahkam Johor* adalah mengikut peruntukan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor. Sultan Ibrahim dengan persetujuan Jemaah Menteri telah memerintahkan *Majalah Ahkam Johor* digunakan sebagai salah sebuah dari bahan rujukan yang harus diikuti dalam menyelesaikan kes-kes mal oleh badan kehakiman. Mufti Johor Abdul Kadir bin Mohsin al-Attas menerima arahan sultan pada 29 Zulhijjah 1331 Hijrah, iaitu bersamaan dengan tahun 1913, supaya kitab tersebut dijadikan panduan di mahkamah (Faisal Tehrani, 2005: 171). Sultan Ibrahim bersungguh-sungguh menentang usaha untuk menggantikan undang-undang Islam dengan undang-undang sekular (yang tiada kena mengena dengan kita orang Melayu, Islam iaitu dari England). Sultan sedar Undang-Undang Tubuh Johor pada tahun 1908 kemudian dicemari dengan undang-undang Inggeris dan kemasukan *penal code* dan *civil code* telah dipaksakan ke atas Sultan Ibrahim (Faisal Tehrani, 2005:

119). Kemasukan undang-undang Inggeris ini menyebabkan undang-undang Islam diketepikan dalam pentadbiran Johor.

MISI INGGERIS DALAM *SURAT-SURAT PEREMPUAN JOHOR*

Dalam sejarah, kedatangan Inggeris ke Johor adalah untuk menakluk Johor dan mereka juga ingin mengambil alih tampuk pemerintahan Johor. Penguasaan ini dilakukan sebagai satu cara untuk mentamadunkan penduduk Johor yang dikatakan sebagai tidak bertamadun (Rahimah Abdul Aziz, 1997: 4). Kedatangan penjajah adalah dengan membawa bersama pemikiran mereka terhadap bangsa dan negara yang dijajah. Berdasarkan pemikiran ini, mereka cuba mendefinisikan bangsa yang dijajah sebagai bangsa yang terkebelakang dalam semua segi. Ekoran daripada itu, mereka membina fahaman bahawa negara dan bangsa mereka sahaja yang unggul dan bertamadun. Fahaman atau cara Barat melihat bangsa yang dijajah ini, ada hubungannya dengan fahaman orientalisme seperti yang dikemukakan oleh Edward Said.

Said mengatakan (1978: 3), "*Orientalism as a Western style for dominating, structuring, and having authority over Orient*. Bagi Said, orientalisme adalah sikap dan strategi yang dianggap sebagai hegemoni besar penjajah terhadap negara yang dijajah. Berdasarkan fahaman ini, penjajah menganggap bahawa mereka perlu mentamadunkan negara yang dijajah yang dianggap sebagai mundur itu. Said juga melihat, "*Orientalisme is a style of thought based upon an ontological and epistemological distinction made between "the Orient"... "the Occident"*" (Said, 1978: 2). Perbezaan antara "the Orient" dan "the Occident" memungkinan Barat mendominasi, membentuk semula dan mengenakan autoriti mereka terhadap Timur. Dengan anggapan bahawa "the Orient" iaitu Timur sebagai mundur, maka "the Occident" iaitu Barat telah mengenakan hegemoninya terhadap Timur yang dianggap oleh mereka sebagai golongan yang tidak bertamadun.

Keinginan Inggeris menakluk Johor juga adalah selaras dengan anggapan bahawa menjaga anak tempatan merupakan satu tanggungjawab berat yang telah dikenakan ke atas kerajaan Inggeris oleh Tuhan dan

memberi peluang kepada Kristian untuk membangunkan golongan yang dianggap sebagai mundur itu. Fahaman ini berkait rapat dengan konsep *the white man's burden* yang dicipta oleh mereka untuk mewajarkan penjajahan dan penaklukan mereka terhadap negara-negara yang dijajah (1997: 50). Dengan wacana kolonial, Inggeris juga melihat diri mereka sebagai rujukan yang mesti diikuti oleh umat Islam. Mereka berusaha untuk mempengaruhi minda umat Islam agar menjadi seperti mereka:

...misionari sudah dikira berhasil merobohkan akidah dan sejarah umat Islam, cukup dengan memastikan fikiran, perasaan dan daya intelek pemimpin masyarakat Islam menjadi Inggeris atau lebih tepat menjadi Barat.

(Faisal Tehrani, 2005: 70)

Semua ini dilakukan atas dasar hegemoni dan keinginan menguasai dan menakluk seluruh dunia. Oleh kerana mereka telah tewas dalam Perang Salib, maka mereka melancarkan perang dalam bentuk baru, iaitu perang fikiran untuk menggugat keteguhan akidah umat Islam (Faisal Tehrani, 2005: 71). Inggeris bercita-cita untuk mewujudkan rakyat atau bangsa Melayu pada kulit dan darahnya, tetapi menjadi Inggeris pada semangat, pemikiran, moral dan budayanya. Hal ini memperlihatkan bahawa Inggeris mahu bangsa Melayu itu menjadikan mereka sebagai bahan rujukan untuk semua sisi kehidupan. Mereka mahu orang Melayu mencontohi budaya dan cara hidup mereka dengan anggapan bahawa cara hidup mereka lebih bertamadun. Sebagai contoh, mereka berusaha untuk menjajah pemikiran orang Melayu di Johor agar menjadi seperti mereka sebagaimana petikan “Jemaah Penasihat Johor sudah menjadi terlalu Barat” (Faisal Tehrani, 2005: 135).

Penjajahan fikiran yang dilakukan terhadap orang Melayu adalah kerana ketakutan Inggeris itu sendiri terhadap Islam. Justeru, sebelum umat Islam berkuasa mereka telah melancarkan serangan dalam pelbagai bentuk seperti penjajahan fikiran dengan tujuan untuk melekakan umat Islam. Dalam *SSPJ*, Inggeris dilihat cuba menyebarkan ajaran Kristian kepada penduduk Johor dengan menimbulkan keraguan terhadap ajaran Islam kepada penduduk Tanah Melayu sebagaimana yang tergambar dalam petikan Faisal Tehrani (2005: 90–91), iaitu “Inggeris itu satu bangsa Yahudi

juga. Kerja mereka tak lain dari memecah-belahkan Islam atau kefahaman dan kepercayaan umat Islam.”

Sentimen anti kepada Islam akibat kekalahan mereka dalam Perang Salib merupakan salah satu sebab Inggeris ingin menakluki Johor. Inggeris mengetahui bahawa negeri-negeri Melayu berusaha dengan sedaya upaya untuk melaksanakan undang-undang Islam. Justeru, mereka menentang hebat pelantikan Raja Ali sebagai Ketua Agama Islam oleh Sultan Ibrahim. Penentangan dibuat kerana Raja Ali memang jelas cenderung ke arah pelaksanaan perundangan Islam (Faisal Tehrani, 2005: 136). Pelantikan ini seolah-olah mencabar kerja mereka untuk memusnahkan agama Islam di Johor. Musuh-musuh Islam ini sentiasa mencari peluang untuk memusnahkan Islam dari dalam setelah usaha mereka melalui penaklukan tidak berjaya. Dalam hal ini, Inggeris menentang apa-apa juga yang berkenaan dengan Islam kerana niat utama mereka adalah untuk menghancurkan Islam dari muka bumi ini selepas kekalahan mereka dalam Perang Salib.

Menerusi novel ini juga, Inggeris kelihatan tidak yakin dengan pemerintahan orang Melayu. Justeru, mereka mewajarkan penaklukan terhadap Johor sebagai usaha untuk mengajar pemimpin Johor agar mencontohi pemerintahan mereka. Mereka memaksa Johor menerima penasihat Inggeris untuk memudahkan misi menakluk serta menguasai negeri Johor, “...Inggeris memaksa Johor agar menerima penasihat, supaya mengikut telunjuk mereka sahaja” (Faisal Tehrani, 2005: 86).

Dengan adanya penasihat Inggeris dalam pentadbiran negeri, mereka lebih mudah untuk mengawal pemerintahan negeri Johor. Mereka juga mengambil lebih ramai hakim-hakim di mahkamah dalam kalangan orang Eropah bagi memudahkan mereka mengambil alih tampuk pemerintahan Johor. Hakim-hakim ini berperanan dalam mengetepikan undang-undang Islam di negeri Johor, sebaliknya mengguna pakai undang-undang mereka dalam kes-kes mahkamah. Hal ini demikian kerana Inggeris gusar apabila mengetahui Johor ingin melaksanakan perundangan Islam. Inggeris mahu Johor menjadi naungannya agar ajaran Kristian dapat dilaksanakan walaupun agenda ini tersembunyi di sebalik keinginan untuk memonopoli kekayaan ekonomi Johor. Mereka cuba menusuk jarum sekularisme yang

akan menjauhkan agama daripada umat Islam.

Sekularisme adalah fahaman yang bersifat keduniaan yang telah mengetepikan agama dalam segala urusan dan kehidupan seharian. Justeru, segala hal ehwal pentadbiran, politik dan urusan negara tidak harus dicampuradukkan dengan agama. Agama dikatakan adalah hal individu dan tidak ada kena mengena dengan segala hal ehwal pentadbiran sesebuah negara. Dalam warkah-warkah Ungku Hamidah ada mengatakan:

Rakyat...pun terpengaruh dengan ajaran-ajaran kafir bahawa urusan agama tidak boleh bercampur aduk dengan dunia. Maka urusan pemerintahan dan undang-undang itu tadbirnya atas kebijaksanaan manusia dan tidak perlu sampai agama itu jadi pedoman manakala akan hal agama ialah hak perseorangan sendiri-sendiri. Inilah ajaran celaka Inggeris yang tidak lain dari menyeru kepada kebatilan dan kefasadan.

(Faisal Tehrani, 2005: 168)

Undang-undang yang dimaksudkan sebagai ajaran celaka oleh Ungku Hamidah ialah undang-undang sekular. Syed Muhammad Naquib al-Attas (1981: 19) berpendapat bahawa sekularisme ialah fahaman yang merujuk kepada corak kehidupan, iaitu berlaku pembebasan insan dari asuhan agama dan fahaman-fahaman yang tetap mengenai hakikat semesta. Di Barat, fahaman ini diterima secara meluas oleh masyarakat Barat yang menganggap bahawa manusia itu berada pada tahap yang tinggi dan berkuasa. Dengan demikian, Barat yang datang ke Timur dengan tujuan menjajah dan menakluk negara yang disebut oleh mereka sebagai “the other” telah menyebarkan fahaman ini kepada golongan yang dengan berselindung di sebalik slogan-slogan ciptaan mereka. Penjajah turut memperkecil-kecilkan segala milik bangsa Melayu, termasuklah undang-undang Islam mereka sehingga *Majalah Ahkam Johor* akhirnya pupus terus. Sebaliknya, undang-undang yang dibawa oleh Inggeris yang bersifat sekular diterima dan digunakan dalam sistem pentadbiran Johor.

Selain itu, penjajah juga telah berjaya memperdaya Sultan Ibrahim di Johor dan dipaksa menerima undang-undang sekular milik Inggeris.

Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor telah dicemari oleh Inggeris dengan *civil code* dan *penal code* yang bertentangan dengan undang-undang Islam. Hal ini dapat dilihat apabila kenyataan yang dikeluarkan oleh Sultan Ibrahim bercanggah dengan tindakannya yang menjadi bukti bahawa Sultan Ibrahim memang telah diperdaya dan dipaksa menerima undang-undang sekular oleh Inggeris:

Bahawasanya tambahan-tambahan tahun 1908 dan 1914 itu telah menyalahi kebenaran kebetulan keteguhan ketentuan dan ketetapan bagi negeri dan kerajaan Johor iaitu perbuatan-perbuatan yang haram dayus durhaka dan berdosa bagi sesiapa orang yang taat kepadanya dan menurut akan dia iaitu suatu kesalahan yang termasuk dalam kehendak 'titah' bagi Undang-undang Tubuh Kerajaan tahun 1895.

(Faisal Tehrani, 2005: 120)

Melalui kenyataan ini, Sultan Ibrahim meletakkan bahawa pematuhan terhadap undang-undang baharu yang bersifat sekular ini sebagai sesuatu yang haram, dayus, derhaka dan berdosa kepada Tuhan selain mencabul wasiat ayahandanya, Sultan Abu Bakar. Sultan Abu Bakar mahu Johor bebas daripada penjajahan serta pengaruh Inggeris dan Islam sepatutnya digunakan dalam pemerintahan Johor. Hal ini demikian kerana dalam sejarah Johor jelas menunjukkan bahawa pemerintahan Islam telah bertapak kukuh di Johor. Johor diperintah oleh sultan yang adil, bijaksana dan mengamalkan ajaran Islam. Walau bagaimanapun, kedatangan penjajah yang mula campur tangan dalam urusan pentadbiran Johor telah mengetepikan undang-undang Islam di Johor sebaliknya menonjolkan boneka-boneka mereka (Faisal Tehrani, 2005: 83). Kesan daripada sekularisasi itu, orang Melayu sendiri telah menolak undang-undang yang bersandarkan Islam dalam *Majalah Ahkam Johor* kerana dianggap sebagai kolot dan tidak sesuai diamalkan seperti yang dinyatakan oleh Faisal Tehrani (2005: 160), iaitu:

“Kalau hakim-hakim di mahkamah Johor menolak Majalah tentu sahaja dapat difahami...kerana mereka itu kafir dan ada pula Melayu yang jahil. Tetapi yang menolak itu ada pula di kalangan kerabat sendiri... .”

Pada masa pemodenan Johor juga, Sultan Ibrahim dilihat tidak mahu menerima wakil British (meskipun sekadar seorang pegawai penasihat

biasa). Sultan Ibrahim menolak penasihat yang dicadangkan oleh Inggeris kerana baginda ingin menegaskan bahawa baginda adalah pemerintah Johor yang berdaulat dan merdeka. Inggeris tidak berhak mencampuri pemerintahan negeri Johor:

Perhatikan istilah yang baginda gunakan untuk menolak wakil British itu ialah “keberatan”. Sebagai pemimpin Melayu yang berbudi tinggi tentulah keengganan baginda itu berpada dengan kata yang berhalus, iaitu “keberatan”, walaupun baginda boleh berkasar dengan kata yang tegas, misalnya “menolak” atau “enggan menerima.”

(Faisal Tehrani, 2005: 133–134)

Penolakan ini boleh dikatakan sebagai satu bentuk penentangan pascakolonial oleh Sultan Ibrahim terhadap dominasi Inggeris. Sultan Ibrahim tidak mahu Inggeris masuk campur dalam urusan pentadbiran negeri Johor kerana ia mencabar kekuasaannya sebagai sultan yang berhak mentadbir Johor mengikut acuannya. Apatah lagi, pentadbiran Inggeris itu tidak sesuai dengan pentadbiran yang berasaskan Islam yang dilaksanakan oleh Sultan Ibrahim di Johor.

PERJUANGAN WANITA MENGUBAH SEJARAH

Dalam *SSPJ*, Faisal Tehrani telah menonjolkan watak Ungku Nur sebagai wakil daripada golongan yang dijajah untuk menulis semula sejarah negeri Johor yang dianggap olehnya sebagai sejarah yang palsu. Ungku Nur melihat banyak fakta sejarah negeri Johor yang telah dipalsukan oleh Inggeris hingga sejarah yang benar telah diketepikan. Terlalu banyak fakta yang telah dipesongkan, ditokok tambah dan dihapuskan oleh penjajah sehingga sejarah Johor pada hari ini diterima sebagai sejarah yang mutlak. Sedangkan pemerintah Johor suatu ketika dahulu bersusah payah untuk mengembalikan pemerintahan Islam dengan berpandukan kepada *Majalah Ahkam Johor* pada zaman pemerintahan Sultan Abu Bakar dan Sultan Ibrahim. Ungku Nur juga menelusuri bukti-bukti sejarah negeri Johor berasaskan warkah-warkah daripada Ungku Hamidah atau Tuk Hamidah yang pernah hidup pada zaman pemerintahan Sultan Abu Bakar dan Sultan Ibrahim. Menurut

Ungku Nur, sejarah yang telah terpendam ini perlu digali semula dan diketengahkan agar sejarah Johor yang telah melaksanakan perundangan Islam suatu ketika dahulu dapat diketahui oleh masyarakat pada hari ini.

Long sangat penting surat-surat saya ini direnung sebagai satu sejarah yang benar. Sebagai satu tenaga yang mengcas semula perjuangan dan perjalanan bangsa kita. Moga-moga surat-surat saya dan sebahagian warkah Tuk Hamidah akan menjadi koleksi yang terus hidup. Seratus tahun lagi, seribu tahun lagi, mungkin selamalamanya kerana sejarah sesungguhnya adalah sesuatu yang hidup. Sejarah tidak mengenal kematian. Bukankah sudah saya sebutkan sejarah umpama tenaga, boleh dijana dan dikitar semula...

(Faisal Tehrani, 2005: 190)

Sejarah negeri Johor telah banyak dipesongkan oleh sejarawan Inggeris. Hal ini terjadi kerana sejarah itu ditulis berasaskan ideologi sejarawan. Ideologi penjajah sudah pasti memanipulasikan sejarah golongan yang dijajah (dalam konteks ini masyarakat Johor). R.G. Collingwood (1963: 18) pendukung pengertian sejarah moden berpendapat, sejarah ialah satu disiplin yang mempunyai empat ciri iaitu saintifik, humanistik, rasional dan *self-revelatory*. Berdasarkan empat ciri ini, terbukti bahawa sejarah yang bersifat objektif tidak mengandungi unsur-unsur peribadi seseorang sejarawan. Pandangan R.G. Collingwood yang mengatakan bahawa sejarah itu sesuatu yang objektif telah disangkal oleh Hayden White yang merupakan sejarawan pascamoden. Menurut White (1992: 69), penulisan sejarah mempunyai implikasi ideologi sebagaimana tergambar dalam petikan “...*in history-as in the human sciences in general-every representation of the past has specific ideological implications.*” Justeru, penulisan sejarah tidak dapat lari daripada implikasi ideologi sejarawan yang menulis sejarah itu kerana bahan-bahan sejarah telah mengalami proses interpretasi dan pentafsiran berdasarkan ideologi masing-masing.

Dalam usaha mengembalikan semula kegemilangan sejarah Johor yang telah diselewengkan oleh Inggeris, Ungku Nur berusaha untuk menggali semula sejarah Johor dan datang ke Turki untuk menjejak kesan-kesan hubungan diplomatik antara Johor dan Turki Uthmaniyyah. Hal ini demikian kerana negeri Johor pernah menjalin hubungan yang baik

dengan kerajaan Turki dan sistem pemerintahan Turki yang berasaskan kepada perundangan Islam telah diguna pakai oleh Sultan Abu Bakar dalam pentadbiran negeri Johor:

Lawatan Sultan Abu Bakar ke Eropah, khususnya Turki adalah jelas, iaitu untuk mendalami urusan pentadbiran negeri luar supaya dapat ditampilkan pengalaman dan pengetahuan baru itu dalam pemerintahan Johor. Di sinilah letaknya sangkaan baik saya bahawa baginda sultan memang mahu menegakkan Islam di Johor. Ada banyak bukti ke arah ini. Yang paling jelas ialah penyerapan *Majallah al-Ahkam al-Adliyyah* Turki yang digubal menjadi *Majalah Ahkam Johor*.

(Faisal Tehrani, 2005: 117)

Usaha mengembalikan semula zaman kegemilangan Johor yang telah mengamalkan perundangan Islam suatu ketika dahulu adalah antara tujuan penulisan semula sejarah oleh Ungku Nur. Hakikat selama ini bahawa pelaksanaan Islam di Johor telah dikhianati oleh sejarawan adalah benar. Ungku Nur berjaya membongkar kembali pelaksanaan *Majalah Ahkam Johor* ketika era pemodenan Johor yang dicetuskan oleh al-marhum Sultan Abu Bakar dan Sultan Ibrahim:

Seperti yang telah saya sebutkan, proses pemodenan di Johor berlaku bagi mencegah kemaraan Inggeris, dan, di tengah proses pemodenan tersebut (pemodenan, bukan pembaratan), almarhum sultan-sultan kita tidak pernah mahu mengabaikan Islam. Sayang, kita menderhaka dan mengkhianati nenek moyang kita, kemudian pegangan kita, langsung kepada Tuhan—mengambil apa yang bukan milik kita...

(Faisal Tehrani, 2005: 138)

Berdasarkan penemuan Ungku Nur, pelaksanaan *Majalah Ahkam Johor* adalah suatu tindakan Sultan Johor untuk menyelamatkan undang-undang Islam dari terus diketepikan oleh Inggeris. Oleh hal yang demikian, tidak hairanlah mengapa pelaksanaan majalah tersebut tidak pernah dijelaskan dalam sejarah perundangan Johor oleh orientalis-orientalis Barat. Sekiranya ada disebut pun, mereka menganggap teks *Majalah Ahkam Johor* adalah sebuah teks sekular yang tidak mengikut garis panduan hukum Islam.

Sedangkan, majalah itu adalah sebuah kitab atau kod undang-undang yang berasaskan Islam. Orientalis Barat berjaya menerbitkan rasa sangsi masyarakat dan berusaha menyelewengkan sejarah yang benar sehingga sejarah Johor pada hari ini dianggap sebagai sejarah yang benar dan mutlak.

Mengikuti Ungku Nur lagi, peruntukan Islam sebagai agama negeri menjelaskan bahawa memang Islam sahaja yang akan menjadi rujukan. Peruntukan itu benar-benar terpakai dan bukanlah sekadar satu hiasan atau tempelan sahaja. Terdapat sebuah buku kajian tentang perkara ini, iaitu *Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Johor* karangan Abdul Jalil Borham yang merakamkan kes-kes di mahkamah yang diputuskan berdasarkan undang-undang Islam seperti terlihat pada kes *Fatimah bte Hanis* lawan *Haji Ismail bin Tamin*. Meskipun tidak kita nafikan terdapat kes-kes yang mencabar kedaulatan undang-undang Islam di negeri Johor seperti terlihat pada kes *Wong Ah Fook* lawan *State of Johore*. Menurut Abdul Jalil [dalam buku tersebut], kontradiksi ini berlaku kerana ada hakim yang mentafsirkan undang-undang negeri Johor sebagai undang-undang Islam, sementara ada pula hakim yang menolak undang-undang negeri Johor sebagai undang-undang Islam. Hakim-hakim tersebut sebahagian besarnya ialah orang putih. Bermakna, hakim-hakim Inggeris yang telah memutuskan sama ada undang-undang negara Islam atau tidak! Bagaimanakah kita boleh membiarkan orang lain menentukan urusan agama kita? Baginda Tunku Sultan Ibrahim pada hemat saya, menggubal undang-undang tersebut sebagai perlembagaan negeri, bukan sahaja kerana hasrat dan kemahuannya terhadap Islam, tetapi juga kerana baginda tidak mahu melihat Johor tergadai di tangan penjajah (Faisal Tehrani, 2005: 133).

Kewujudan *Majalah Ahkam Johor* adalah untuk mempertahankan undang-undang Islam daripada terus diketepikan oleh undang-undang Barat. Walaupun sejarawan Barat berusaha untuk menyembunyikan adanya undang-undang yang bersifat keislaman ini, kewujudannya tetap hidup, sehinggalah watak Ungku Nur di dalam novel ini telah menemukan sesuatu yang telah disembunyikan oleh Barat berkenaan pelaksanaan majalah ini. Berdasarkan penemuan Ungku Nur, Johor telah melaksanakan perundangan Islam dan diperintah oleh sultan-sultan Johor yang berpegang teguh kepada

ajaran Islam. Hal ini menunjukkan betapa dekatnya Johor dengan agama Islam pada masa itu. Selain itu, hubungan yang erat dengan Kerajaan Turki Uthamaniyyah telah memberi kesan positif dalam bidang perundangan sehinggalah Johor menerima *Majalah al-Ahkam al-‘Adliyyah* atau *Majalah Ahkam Johor* dari Turki yang berasaskan perundangan Islam. Justeru, segala kes dirujuk berpandukan *Majalah Ahkam Johor*.

Menurut Ungku Nur lagi, *Majalah Ahkam Johor* atau *Majalah al-Ahkam al-‘Adliyyah* merupakan kitab atau kod undang-undang yang berasaskan prinsip Islam. Oleh itu, adalah wajar majalah ini digunakan dalam pemerintahan dan perundangan Johor pada hari ini. *Majalah Ahkam Johor* juga perlu dilihat semula untuk menyedarkan generasi tentang pentingnya undang-undang Islam dalam sejarah dan perundangan negeri. Walau bagaimanapun, kebenaran sejarah ini telah diselewengkan oleh Barat. Barat menganggap bahawa undang-undang Islam ini adalah bersifat individu dan tidak wajar digunakan dalam pemerintahan Johor. Perundangan Islam telah diceroboh oleh Barat. Dengan itu, Ungku Nur mahu menegakkan kebenaran sejarah yang telah diperlekehkan oleh Barat. Justeru, Ungku Nur berharap surat-suratnya dan warkah-warkah Ungku Hamidah akan dihimpunkan dan menjadi koleksi keluarga yang berharga sebagai satu dokumentasi tentang sejarah Johor yang telah hilang dan perlu diketengahkan semula. Surat-surat ini mengajak kepada kebenaran sejarah dan mengembalikan maruah umat Islam atau golongan yang dijajah.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, novel *Surat-Surat Perempuan Johor (SSPJ)* adalah novel sejarah negeri Johor yang difiksyenkan oleh Faisal Tehrani dengan menggunakan teknik surat-menyurat oleh Ungku Nur dan Ungku Hamidah. Surat-surat Ungku Nur sarat dengan usaha untuk menyatakan kebenaran sejarah negeri Johor yang telah diselewengkan oleh Inggeris selama ini. Berdasarkan penemuan Ungku Nur, Johor telah mengamalkan perundangan Islam sewaktu pemerintahan Sultan Abu Bakar dan Sultan Ibrahim dengan menggunakan *Majalah Ahkam Johor* sebagai panduan dan rujukan. Penemuan bukti ini juga diperoleh oleh Ungku Nur menerusi warkah-

warkah Tuk Hamidah atau Ungku Hamidah turut menerangkan situasi pemerintahan sultan pada ketika itu. Walau bagaimanapun, pencerobohan oleh Inggeris telah menjauhkan rakyat Johor daripada akidah dan sejarah yang sebenar. Menurut Ungku Nur, sejarah harus dicias semula agar dapat menjana keunggulan peradaban Melayu-Islam. Dengan demikian, usaha penyelidikan yang dilakukan oleh Ungku Nur terhadap sejarah Johor merupakan usaha untuk menyatakan kebenaran sejarah yang telah diselewengkan oleh Barat.

RUJUKAN

- Abdul Jalil Borham. (2002a). *Majalah Ahkam Johor latar belakang, pelaksanaan dan komentar*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Jalil Borham. (2002b). *Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Johor*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Collingwood, R.G. (1963). *The idea of history*. London: Oxford University Press.
- Faisal Tehrani. (2005). *Surat-Surat Perempuan Johor*. Johor: Yayasan Warisan Johor.
- Fawzi Basri & Hasrom Harun. (1978). *Sejarah Johor Moden 1855-1940: Satu perbincangan dari pelbagai aspek*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahimah Abdul Aziz. (1997). *Pembaratan pemerintahan Johor (1800-1945) suatu analisis sosiologi sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Said, Edward W. (1978). *Orientalism*. London and Henley: Routledge and Kegan Paul.
- Shaharom Husain. (1995). *Sejarah Johor kaitannya dengan negeri Melayu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Sohaimi Abdul Aziz. (2003). *Teori dan kritikan sastera. Modenisme. Pascamodenisme. Pascakolonialisme*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1981). *Memahami Islam: Insan, ilmu dan kebudayaan*. Bandung: Salman ITB.
- White, Hayden. (1992). *Tropics of discourse. Essay in cultural criticism (Cetakan Kelima)*. Baltimore and London: The Johns Hopkins University Press.

